

Tugas media makin mencabar

KAMARUL HALIM M. KAMAL

BATU PAHAT - Peranan media konvensional kini semakin mencabar berbanding zaman sebelum kemerdekaan yang ketika itu lebih tertumpu kepada menyampaikan dasar-dasar pemerintah sahaja.

Ketua Pengarang Sinar Harian, Norden Mohamed berkata, media arus perdana terutama media cetak yang wujud sejak sebelum merdeka, digunakan sebagai ejen perpaduan negara.

Katanya, media yang ada selepas merdeka ini adalah sebagai penyambung kepada media sebelumnya, namun kehadiran media sosial yang menjadi medium untuk menyampaikan apa sahaja yang ada di sekeliling, menjadi cabaran baharu kepadanya.

"Kini media arus perdana bukan sahaja menjadi ejen penyampai berita, ce-



Dari kiri: Kus Hasanan, Afandi, Norden dan Amzar Aizat pada Forum Sembang Siswa Sinar Harian-UTHM, semalam.

rita atau maklumat kepada umum malah ada tugas baharu iaitu menjadi medium komunikasi masyarakat dengan pemerintah.

"Ada sesetengah individu (golongan muda) menjadikan media arus perdana ini tempat mereka menyalurkan

masalah seperti di tempat kediaman mereka, dan itulah yang berlaku kini, sekali gus pihak pemerintah akan terus maklum dengan serta tindakan segera dilakukan.

"Malah ia juga turut menjadi tempat menyampaikan atau memperbetulkan se-

suatu perkara, terutama yang telah tular di media sosial yang tiada kesahihannya dan masyarakat akan kembali kepada media arus perdana untuk dapat maklumat lengkap dan terperinci," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Sembang

Siswa Sinar Harian-Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) - Negaraku.Tanah Leluhurku.Jiwa Ragaku: Apa Peranan IPT dan Media, di sini, semalam.

Forum berkenaan menampilkan tiga panel iaitu Norden; Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat) UTHM, Prof Madya Dr Afandi Ahmad; Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar UTHM, Amzar Aizat Allias dan moderator, Penyerah Kanan, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM, Kus Hasanan Ku Halim.

Dalam pada itu, menurut Afandi, peranan IPT pula dahulu hanya berperanan untuk pembangunan negara, tetapi kini ia telah bertindak sebagai pemimpin, ketua serta ejen kepada perpaduan negara.

"Dan yang paling penting sekali IPT turut berperanan menjadi lokasi kepada agenda sesebuah negara, sebagai contohnya agenda meliputi pembangunan kepada negara," katanya.

Sementara itu, menurut Amzar Aizat pula, mahasiswa kini yang lebih menggemari kepada penggunaan media sosial, di mana maklumat diperoleh belum tentu sah kebenarannya.

"Bagaimanapun mereka harus kembali kepada media arus perdana untuk mendapatkan maklumat yang sahih bagi mengelakkan salah faham yang berkemungkinan akan menyebabkan perpecahan kepada perpaduan," katanya.

Laporan penuh Forum Sembang Siswa Sinar Harian-UTHM boleh dibaca di sisipan Kampus, Rabu depan.

Foto: ROSLI TALIB